

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

2021

HARI ISNIN : 27 SEPTEMBER 2021

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 1, 11 HINGGA NO. 53)

**[SOALAN NO 1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN
SOALAN NO 21 DAN NO 25]**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

- i) YB Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan strategik Kementerian untuk terus menjadikan Malaysia negara mesra pelabur pasca COVID-19 bagi menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat gergasi antarabangsa.

Jawab Bersekali Dengan:

- ii) YB Dato' Sri Bung Moktar Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian dalam memastikan pelabur antarabangsa terus melabur di Malaysia walaupun dalam keadaan dunia sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19; dan
- iii) YB Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan ekonomi semasa dengan menyatakan jumlah pelaburan asing bagi tahun semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon supaya soalan-soalan daripada **YB Dungun, YB Kinabatangan dan YB Jerai** dijawab bersekali memandangkan menyentuh isu yang sama berkaitan prestasi pelaburan dan inisiatif serta strategi dalam menarik masuk pelaburan asing ke Malaysia sewaktu negara berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam mempergiat dan memperkuatkannya untuk terus menarik pelaburan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara destinasi pelaburan pilihan, terutamanya pelaburan yang berkualiti tinggi agar dapat memberi manfaat kepada agenda sosio-ekonomi negara melalui limpahan aktiviti ekonomi, pewujudan peluang perniagaan dan penciptaan pekerjaan yang bernilai tinggi.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021, Malaysia berjaya menarik pelaburan sebanyak RM107.5 bilion meliputi sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama. Jumlah ini menunjukkan lonjakan ketara sebanyak 69.8 peratus berbanding RM63.3 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2020. Daripada jumlah pelaburan ini, pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment - FDI*) menyumbang sebanyak 58.1 peratus atau RM62.5 bilion berbanding RM19.8 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2020. Manakala pelaburan langsung domestik (*Domestic Direct Investment - DDI*) menyumbang sebanyak 41.9 peratus atau RM45.1 bilion. Pelaburan ini melibatkan 2,110 projek dan dijangka mewujudkan hampir 45,000 peluang pekerjaan baharu.

Daripada keseluruhan jumlah FDI tersebut, sektor perkilangan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu RM58.2 bilion atau 93.1 peratus daripada jumlah kelulusan FDI. Sektor perkhidmatan dan utama pula masing-masing mencatatkan pelaburan sebanyak RM2.16 bilion atau 3.5 peratus dan RM2.15 bilion atau 3.4 peratus.

SOALAN NO: 1

Kehadapan, Kerajaan akan terus mengambil tiga pendekatan utama seperti berikut dalam mencerdaskan ekonomi negara:

- (i) Pertama, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebagai pemangkin untuk membuka semula ekonomi secara selamat dan bersistematik. Sebagai langkah tambahan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dilindungi, MITI telah menerajui pelaksanaan Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang bertujuan mempertingkatkan kadar vaksinasi pekerja sektor pembuatan. Sehingga 25 September 2021, sebanyak 1.06 juta pekerja telah diberi temujanji di bawah PIKAS yang mana 1,000,826 pekerja telah diberikan dos pertama manakala 899,626 pekerja mendapat imunisasi penuh.
- (ii) Kedua, Kerajaan juga akan terus memperkuuhkan asas-asas ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar-dasar perdagangan dan pelaburan yang terbuka, telus, serta mesra-perniagaan, atau *business-friendly*. Ini termasuklah usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi meratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).
- (iii) Ketiga, Malaysia akan terus mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi, berorientasikan teknologi termaju, berpandukan Aspirasi Pelaburan Nasional atau dengan izin, *National Investment Aspiration* (NIA) yang turut memberi fokus kepada kelestarian jangka masa panjang, dengan menekankan elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environment, Social and Governance - ESG*). Di samping itu, Kerajaan juga akan turut memfokuskan kepada sektor pertumbuhan ekonomi baharu yang dikenal pasti seperti ekonomi digital, halal dan aeroangkasa.

SOALAN NO: 1

Tuan Yang di-Pertua,

Pembaharuan kepada agenda pelaburan ini melibatkan lima (5) teras utama iaitu, meningkatkan *economic complexity*; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluaskan rangkaian domestik; membangunkan kluster baharu dan sedia ada; serta mempertingkatkan keterangkuman. NIA akan memberi fokus kepada sektor yang mempunyai potensi ekonomi yang signifikan dan lestari dalam jangka masa panjang, dengan penekanan yang lebih terhadap elemen ESG.

Dalam mengoperasikan usaha ini, Kerajaan antara lain akan memberi keutamaan kepada pembangunan industri pengeluaran kenderaan *Energy Efficient Vehicle* (EEV) termasuk EV dengan menggariskan beberapa inisiatif khusus bagi memperkuuhkan ekosistem EV. Ini termasuk pembuatan komponen kritikal, penetapan standard bagi menyokong ekosistem EV dan mengalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk membangunkan teknologi tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada benar lesen pengoperasian kilang Lynas telah di sambung sehingga bulan Mac 2022. Sekiranya benar, apakah rasional di sebalik keputusan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah tidak benar lesen pengoperasian kilang Lynas telah di sambung sehingga bulan Mac 2022 kerana tempoh lesen sedia ada syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. masih berkuatkuasa daripada 3 Mac 2020 sehingga 2 Mac 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 [ISNIN]

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini projek baik pulih tanah runtuh di Kampung Pohon Chelagi, Pasir Mas dan jangka masa ia dapat disiapkan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerja-Kerja Pembaikan Runtuhan Tebing Sungai Kelantan Di Kampung Pohon Celagi, Pasir Mas Kelantan telah dimulakan oleh pihak kontraktor mulai 4 Ogos 2021. Pelaksanaan dijangka mengambil masa sembilan (9) bulan dan dijangka siap pada 3 Mei 2022 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM 64.25 juta. Fokus kerja tertumpu kepada pengukuhan tebing dan pengurukan pasir bagi melancarkan aliran air sungai bagi mengurangkan impak banjir semasa monsun.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI
HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kesiapsiagaan Kerajaan dalam berdepan dengan Pilihan Raya Negeri Sarawak dari segi SOP baru yang bersesuaian seperti kempen, aturan pilihan raya, proses pengundian dan logistik dengan keadaan negara masih berdepan dengan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah melakukan persediaan dari semua aspek merangkumi keperluan sumber manusia, kewangan, logistik dan latihan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak ke-12. Antara perkara yang diberi keutamaan dalam PRU DUN Sarawak Ke-12 ini adalah penyediaan Garis Panduan Pencegahan COVID-19 Bagi Pilihan Raya dalam memastikan proses pilihan raya dapat dijalankan dalam keadaan paling selamat ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Dalam garis panduan berkenaan, SPR sedang mengatur ketetapan agar amalan penjarakan fizikal dan pematuhan yang tinggi dalam segala proses seperti proses penamaan calon, proses berkempen dan pengundian. Kepatuhan garis panduan ini tidak hanya tertumpu kepada pengundi dan petugas pilihan raya yang hadir pada hari mengundi sahaja malah akan juga memberi fokus kepada semua calon dan parti yang terlibat sepanjang tempoh berkempen berlangsung.

SPR akan mengumumkan garis panduan pencegahan COVID-19 berkenaan setelah mendapatkan nasihat serta pandangan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 [ISNIN]

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi fasa 5 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) akan dimulakan dan berapa kos keseluruhannya, sama ada ia akan melibatkan pengambilan tanah dan apakah ia dapat menyelesaikan masalah banjir di Parlimen Rasah yang diakibatkan oleh limpahan air sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi terdiri daripada 5 Fasa. Fasa 1 hingga Fasa 3 telah siap sepenuhnya pada tahun 2016 dengan kos keseluruhan sebanyak RM83.8 juta. PLSB Sungai Linggi Fasa 4 dengan kos projek berjumlah RM70 juta masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2022.
2. Manakala PLSB Sungai Linggi Fasa 5 akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta sekiranya diluluskan kelak. Pelantikan perkhidmatan perunding untuk kerja rekabentuk terperinci dijangka dilaksanakan pada tahun 2022.
3. PLSB Sungai Linggi Fasa 5 bermula dari hilir Sungai Linggi di Kg. Nyatoh sehingga ke Pekan Mambau, Daerah Seremban dengan jajaran sepanjang lebih kurang 12km. Melalui pelaksanaan PLSB Sg Linggi Fasa 5, Kementerian menjangkakan masalah banjir terutamanya di kawasan Parlimen Rasah akan dapat diatasi. **Pengambilan balik tanah** juga salah satu skop projek dalam PLSB Sungai Linggi Fasa 5 ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
(SIBUTI)**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ada suatu tindakan menzahirkan ucapan takziah secara bertulis kepada semua keluarga yang telah kehilangan nyawa akibat pandemik COVID-19 dan adakah ada suatu tabung bantuan khusus bagi membantu golongan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu akibat COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menzahirkan ucapan takziah kepada ahli keluarga mangsa COVID-19 yang meninggal dunia melalui portal dan ciapan di media sosial ketika pengumuman bilangan kematian setiap hari.

Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM) belum bercadang mengadakan peruntukan atau tabung bantuan yang khusus untuk membantu golongan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu akibat COVID-19. Agihan bantuan kewangan kepada golongan tersebut semata-mata bergantung kepada ketelusan waris yang memohon dan diluluskan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 sebanyak RM5,000 bagi setiap kematian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan pengukuhan kedudukan mahkamah syariah untuk diperingkat menjadi 4 hierarki iaitu Mahkamah Persekutuan Syariah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan hierarki Mahkamah Syariah daripada 3 peringkat yang sedia ada telah dimulakan semenjak tahun 2009 apabila Jemaah Menteri pada 23 Disember 2009 telah memberi persetujuan kepada Memorandum Daripada YAB Perdana Menteri (Memorandum No. 6 : No.975/2673/2009) bagi mewujudkan Mahkamah Rayuan Khas Syariah di negeri-negeri dan pelaksanaannya tertakluk kepada hasil rumusan perbincangan antara Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan Jabatan Peguam Negara (JPN), Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

2. Pada 22 Ogos 2011, semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (“MKI”) Kali Ke-52, Jabatan Peguam Negara telah membentangkan Kertas Cadangan Menaik Taraf Mahkamah Syariah. Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal

Ugama Islam (MKI) Kali Ke-52 bersetuju dengan cadangan pewujudan Majlis Rayuan Syariah (MRS) dan Mahkamah Tengah Syariah (MTGS), menaik taraf kedudukan Mahkamah Tinggi Syariah (MTS), penstrukturian semula Mahkamah Rayuan Syariah Negeri (MRSN) dan menaik taraf Hakim-Hakim Mahkamah Syariah. Cadangan ini disembah maklum untuk memohon pertimbangan dan perkenan Majlis Raja-Raja.

4. Usaha-usaha ini masih lagi berterusan bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan daripada pihak berkuasa negeri-negeri kerana Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah bidangkuasa KDYMM Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong/Sultan/Raja setiap negeri berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan.

5. Di peringkat Wilayah Persekutuan, kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk mempertingkatkan hierarki Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) bagi menambah peluang kepada pihak-pihak untuk menyemak dan merayu kes-kes yang telah diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah seperti di Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak. Cadangan ini perlu mengambilkira unjuran kewangan kerajaan dan dasar-dasar perjawatan perkhidmatan awam yang sedia ada kerana ianya melibatkan pewujudan/pertambahan perjawatan yang sudah tentunya melibatkan kos kewangan.

6. Bagi tujuan tersebut juga, kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menujuhkan satu jawatankuasa untuk menggubal draf RUU Akta Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan yang baru dan tersendiri seperti Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Perak 2018. Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat sebanyak 5 kali. Setakat ini, penggubalan draf RUU ini hampir selesai dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) yang sepatutnya tamat pada akhir tahun 2020 akan diteruskan. Sekiranya ya, apakah dasar baru program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian akan meneruskan PPLH dengan pelaksanaan PPLH 2.0. Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat:

- PPLH 2.0 ini akan menyasarkan pembangunan ladang hutan bagi kawasan seluas 50,000 hektar untuk tempoh 5 tahun.
- Peruntukan pinjaman bagi PPLH 2.0 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) (2021–2025) melalui pinjaman daripada Kementerian Kewangan (MOF) berjumlah RM500 juta.
- Bagi tahun 2021, sejumlah RM50 juta telah disediakan bagi pelaksanaan PPLH 2.0 dan pengeluaran pinjaman akan bermula pada Oktober 2021.

NO. SOALAN: 18

- PPLH 2.0 akan dilaksanakan berdasarkan konsep pembiayaan patuh syariah dengan tawaran yang lebih berdaya saing bagi memastikan sasaran PPLH 2.0 dapat dicapai.
- PPLH 2.0 juga akan melibatkan penambahan spesis-spesies baru yang berdaya saing dan spesies cepat tumbuh dalam tempoh pusingan tebangan di antara 4 hingga 15 tahun berdasarkan spesis yang ditanam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan apakah perkembangan Skim Wakaf Air, sebanyak mana dana wakaf air ini yang telah berjaya dikumpul dan mohon senaraikan projek-projek wakaf air yang telah dilaksanakan termasuk di Parlimen Kuala Krai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dana Khas Wakaf Tunai Perkhidmatan Air (Wakaf Air) telah dilancarkan 17 Disember 2020 hasil kerjasama di antara Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).
2. Berdasarkan rekod YWM, sehingga 19 September 2021, jumlah dana Wakaf Air terkumpul adalah sebanyak RM3,202,016.28 dan jumlah ini adalah hasil sumbangan daripada Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan, pihak swasta dan sumbangan orang ramai. Sejumlah RM266,486.00 telah dibelanja bagi menyiapkan 7 projek bekalan air kepada 447 buah rumah iaitu:

SOALAN NO : 19

- i. Kampung Sungai Sendat, Ulu Yam, Selangor (siap pada 22 Februari 2021);
 - ii. Masjid Ehsaniah, Kampung Padang Serai, Beruas, Perak (siap pada 23 Februari 2021);
 - iii. Kampung Melayu Seelong, Senai, Johor (siap pada 3 Mac 2021);
 - iv. Kampung Padang Durian, Pendang, Kedah (siap pada 10 Mei 2021);
 - v. Kampung Baru Sungai Mengkuang, Dabong, Kuala Krai Kelantan (siap pada 8 Jun 2021); dan
 - vi. Kampung Batu Balak, Jerantut, Pahang (siap pada 19 Jun 2021);
 - vii. Kampung Tanah Pindah, Bukit Mat Daling, Mukim Ulu Tembeling, Pahang (siap pada 9 Ogos 2021).
3. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 7 permohonan projek Wakaf Air secara khusus di Parlimen Kuala Krai dan permohonan terkini yang diterima pada 13 September 2021 iaitu dari penduduk di Kampung Mambong, Daerah Batu Mengkebang, Kuala Krai.
4. 2 daripada 7 permohonan projek Wakaf Air tersebut telah diluluskan Jawatankuasa di peringkat KASA iaitu:
- i. Kerja-Kerja Naik Taraf Kolam Tadahan Air Bukit, Penukaran dan Penyelenggaraan Paip di Kampung Baru Sungai Mengkuang. Projek ini telah siap pada 8 Jun 2021; dan
 - ii. Kerja-kerja Naik Taraf Kolam Tadahan Air Bukit, Penyediaan Tangki 1000 gelen dan Penggantian Paip di Kampung Sungai Sam dengan kos sebanyak RM110,080.00. Projek ini dalam proses pelaksanaan.
5. Baki 5 permohonan iaitu di Kampung Berangan, Kampung Biak (A), Kampung Lubuk Simpul, Kampung Chuchoh Puteri (A) dan Kampung Mambong masih dalam tindakan Kementerian.
Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Langkah-langkah yang telah diambil oleh Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang (LPQB) untuk memastikan kelewatan paling minimum dalam peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) untuk kumpulan 2020 – 2021 dan mengapa peperiksaan dalam talian tidak dipertimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Profesional Undang-Undang 1976 [Akta 166] telah memberi tanggungjawab kepada Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang ('Lembaga Kelayakan') untuk mengendalikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman agar melahirkan seseorang yang berkelulusan undang-undang menjadi "orang yang berkelayakan" di bawah Akta 166, sebelum seseorang itu boleh memulakan kerjayanya sebagai seorang Peguam Bela dan Peguam Cara.

Dasar Lembaga Kelayakan adalah untuk mengekalkan mutu dan standard pencapaian yang tinggi sebelum seseorang calon itu boleh dianugerahkan Sijil Amalan Guaman. Perkara ini bagi memastikan calon yang layak sahaja yang boleh dianugerahkan Sijil Amalan Guaman demi menjamin kewibawaan profesion undang-undang di Malaysia.

Peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi kedua-dua sesi iaitu tahun

SOALAN NO : 20

2020 dan 2021 telah ditangguhkan ke tahun berikutnya sepetimana juga peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dengan mengambil kira semua faktor dan hal keadaan demi kepentingan semua pihak tanpa menjelaskan integriti peperiksaan. Walau bagaimanapun, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman sesi 2020 dan proses untuk memuktamadkan keputusan peperiksaan tersebut telah dilaksanakan mengikut jadual iaitu dalam jangka masa dua bulan setengah hingga tiga bulan. Kelewatan selama sebulan berlaku kerana kesemua proses memuktamadkan keputusan tersebut perlu dilakukan dengan kehadiran kakitangan di pejabat Lembaga Kelayakan secara fizikal sedangkan pada masa tersebut semua kakitangan pejabat Lembaga Kelayakan telah diarahkan untuk bekerja dari rumah ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Penuh yang dilaksanakan oleh Kerajaan mulai 1 Jun 2021 disebabkan oleh peningkatan bilangan kes wabak Covid-19. Oleh yang demikian, atas faktor kerahsiaan, proses memuktamadkan keputusan terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Keselamatan kakitangan telah menjadi salah satu keutamaan paling tinggi bagi Lembaga Kelayakan. Selain itu, proses yang terlibat bukanlah hanya melibatkan penandaan kertas peperiksaan, penjumlahan markah, kemasukan markah ke dalam sistem dan pengumuman keputusan itu, sebagaimana persepsi ramai calon. Proses menyediakan keputusan adalah rumit memandangkan proses itu dikawal selia dengan protokol ketat oleh Lembaga bagi memelihara integriti, kredibiliti dan ketepatan keputusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman tersebut sebelum keputusan tersebut dapat dikeluarkan.

Sejak Peperiksaan Sijil Amalan Guaman yang pertama diadakan oleh Lembaga pada tahun 1984, Lembaga Kelayakan tidak pernah lewat dalam atau menangguhkan pengendalian Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dan pengeluaran keputusan peperiksaan tersebut. Penangguhan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman tidak pernah berlaku sebelum ini dan penangguhan peperiksaan itu bagi tahun 2020 dan 2021 merupakan perkara yang berada di luar kawalan Lembaga Kelayakan.

Lembaga Kelayakan telah mempertimbangkan untuk menjalankan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman secara dalam talian namun perkara tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta kerana ketiadaan

SOALAN NO : 20

infrastruktur yang sesuai untuk menjalankan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman secara dalam talian. Lembaga Kelayakan merupakan sebuah organisasi yang kecil sedangkan untuk menjalankan peperiksaan secara dalam talian ia memerlukan tenaga mahir dan sokongan penuh profesional teknologi maklumat seperti yang dijalankan di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara. Peperiksaan Sijil Amalan Guaman adalah semata-mata berdasarkan seratus peratus peperiksaan bertulis dan tidak seperti di institusi-institusi pengajian tinggi di mana ianya adalah dalam nisbah 40:60 atau 30:70 yang meliputi peperiksaan bertulis dan tugas. Tambahan pula pengendalian Peperiksaan Sijil Amalan Guaman sangat bergantung kepada sumber luar, seperti dewan peperiksaan dan pengawas peperiksaan, penyedia kertas soalan, pemeriksa kertas jawapan dan lain-lain perkara yang bukan dalam kuasa mutlak Lembaga Kelayakan.

Pada setiap tahun telah berlaku banyak kes penipuan oleh calon-calon semasa peperiksaan dijalankan. Lembaga Kelayakan pada setiap masa sangat menitikberatkan integriti dan kredibiliti Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Oleh itu, bagi tujuan pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian Lembaga Kelayakan sedang mengkaji secara terperinci untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengadakan peperiksaan sedemikian pada masa akan datang. Walau bagaimanapun ianya tidak boleh dilaksanakan secara serta merta. Pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian perlu dilakukan dengan sangat teliti bagi menjamin integriti peperiksaan tersebut terpelihara. Sementara itu, Lembaga Kelayakan masih akan menjalankan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi sesi 2021 secara fizikal.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan bagi memastikan lantikan-lantikan di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dibuat berdasarkan merit tanpa mengambil kira sebarang kepentingan politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah strategik memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat adalah memperkenalkan dasar berhubung pelantikan ahli politik sebagai Pengurus atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berasaskan kepada keperluan syarikat dan kelayakan calon dari segi akademik, kelayakan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Inisiatif yang digariskan dalam NACP ini juga menekankan supaya pelantikan mana-mana individu hendaklah dalam kalangan yang berintegriti tinggi memimpin GLC bersandarkan merit dan kelayakannya.

Bagi memperkuatkannya lagi inisiatif ini, semakan dan pindaan sedang dibuat ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 bagi menjelaskan lagi dengan lebih terperinci berhubung dasar, prinsip dan peraturan semasa yang boleh dijadikan panduan dalam pengurusan BBP. Tindakan semakan semula ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 ini tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja, namun ianya juga merangkumi entiti-entiti berkepentingan keseluruhan yang ditubuhkan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada rancangan untuk menggubal lima undang-undang iaitu anti lompat parti, mengenai dana politik, tempoh jawatan Perdana Menteri, RUU 355 serta penderhakaan terhadap titah rasmi SBP YDP Agong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan dengan memaktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia.

Kajian berhubung pewujudan rang undang-undang berkaitan dana politik pada masa ini sedang dilaksanakan dengan memberi fokus kepada aspek pengawalseliaan sumbangan politik berteraskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti. Akta ini akan diperkenalkan oleh Kerajaan dengan mengambil kira juga pandangan daripada pelbagai pihak bagi memastikan mekanisme pelaksanaan yang berkesan. Melalui langkah

SOALAN NO : 23

ini, Kerajaan yakin bahawa kepimpinan melalui teladan yang berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan integriti dapat menjadi asas dalam usaha untuk membanteras rasuah dan sebarang bentuk risiko salah guna kuasa dalam kalangan pemimpin Kerajaan ke arah memastikan ekosistem bebas rasuah untuk rakyat pada masa kini dan generasi akan datang.

Berhubung isu pewujudan Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2021 atau RUU 355 pula, ianya sedang dalam tindakan pihak Kerajaan. RUU tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri terlebih dahulu dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil. Kerajaan juga telah mengadakan perbincangan melalui beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan RUU 355 ini supaya ia lebih komprehensif dan seterusnya dapat memperkasa bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Bagi undang-undang lain yang dibangkitkan pula, ianya telah diambil kira di dalam di dalam Perjanjian Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik. Beberapa cadangan penambahbaikan transformasi pentadbiran yang telah diumumkan oleh Kerajaan dan melibatkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan sedang dalam perbincangan antara Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara.

Bagi mengkaji secara holistik Perlembagaan Persekutuan perlu ditentukan sama ada ia melibatkan pindaan kepada struktur 16 asas (*fundamental structure*) Perlembagaan yang melibatkan / memerlukan referendum. Hal ini akan memerlukan penerangan gerak kerja yang komprehensif. Kerajaan memberi jaminan bahawa semua yang termaktub di dalam MoU tersebut akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bentuk galakan yang telah dilakukan bagi menarik minat lebih ramai penyertaan sukarelawan kesihatan dan bukan kesihatan di setiap Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negeri Sabah sebagai antara usaha untuk mempercepatkan kenaikan kadar vaksinasi penuh menjelang Oktober.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga pada 26 September 2021, pelaksanaan vaksinasi di Sabah mencapai hampir 70.9% penduduk menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin manakala 58.7% penduduk telah lengkap dua dos vaksin. Kadar vaksinasi secara purata bagi bulan September adalah sebanyak 37,366 dos sehari.

NO. SOALAN : 24

Dari segi bilangan sukarelawan bukan kesihatan bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Sabah, jumlah sukarelawan yang terlibat dalam PICK adalah seramai 1,302 orang meliputi penjawat awam, sukarelawan MyVac dan Anggota Keselamatan (APM, RELA, ATM dan PDRM).

Setiap petugas bukan kesihatan atau sukarelawan bukan awam akan menerima saguhati harian sebanyak RM50-RM100 bergantung kepada syif yang dilaksanakan. Manakala bagi penjawat awam yang bertugas di PPV akan menerima elau bulan sebanyak RM200.00. Ini merupakan satu galakan yang digunakan untuk meraih sokongan daripada orang awam menyertai perkhidmatan sukarelawan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [TEMERLOH]
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini tentang pembinaan Jambatan Baharu Temerloh dan bilakah pembinaan ini dapat disiapkan setelah tergendala akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada Arahan Kerajaan berhubung Perintah Pelaksanaan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, pelaksanaan Projek Menaiktaraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah (Daripada 2 Lorong Kepada 4 Lorong) Temerloh, Pahang tetap dilaksanakan sepetimana peraturan dan norma-norma baharu SOP Pembinaan yang berkuatkuasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kemajuan kerja fizikal semasa di tapak pada 31 Ogos 2021 adalah sebanyak 13.27% berbanding jadual 13.56% (kelewatan 0.29% iaitu 7 hari).

Pada masa ini pembinaan projek tersebut masih berjalan sepetimana yang dijadualkan dan projek dijangka siap pada bulan Mac 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu Rang Undang-Undang untuk mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal akan dibentang di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan dengan memaktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia.

Antara kandungan di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik termasuklah cadangan bagi untuk mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun sahaja. Memandangkan ia merupakan satu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, adalah penting satu kajian yang teliti dan menyeluruh perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Kerajaan membentangkan cadangan pindaan tersebut di Parlimen.

Kerajaan memberi jaminan bahawa semua yang termaktub di dalam MoU tersebut akan dilaksanakan dan diambil tindakan segera oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilakah negeri Pahang akan mencapai 50 peratus tahap penduduk yang terima vaksin sebanyak dua dos. Memandangkan sekarang Pahang sudah masuk ke Fasa 2 di dalam Pelan Pemulihan Negara akan tetapi masih belum dapat membuka ekonomi kerana jumlah yang sudah menerima vaksin amat rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Negeri Pahang telah mencapai 50% populasi dewasa lengkap divaksin pada 28 Ogos 2021 meliputi seramai 588,812 orang individu berbanding jumlah populasi dewasa seramai 1.175 juta. Terkini, sehingga 26 September 2021, kadar vaksinasi di negeri Pahang telah mencapai 69.4% populasi dewasa lengkap divaksin manakala sebanyak 83.8% populasi dewasa negeri telah diberikan sekurang-kurangnya satu dos vaksin. Kesemua daerah di negeri Pahang telah mencapai nilai ambang 60% kecuali daerah Raub yang mencapai 57.5% populasi dewasa lengkap divaksin. Dari segi aspek pembukaan ekonomi, Kerajaan membuat keputusan berdasarkan kriteria yang perlu dicapai bagi sesebuah negeri selaras dengan strategi yang ditetapkan dalam Pelan Pemulihan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
(KOTA KINABALU)**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN (KOTA KINABALU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengetatkan lagi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi menghalang penduduk mengambil kesempatan *loophole* jangka masa antara pengumuman dan pelaksanaan bagi melarikan dari kawasan PKPD, dan bagi menghalang penduduk untuk keluar masuk dari kawasan PKPD atas alasan bahawa pekerja sektor *essential*.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Penilaian risiko jangkitan COVID-19 oleh KKM merupakan rujukan utama bagi pihak kerajaan menentukan hala tuju pelaksanaan PKP termasuklah PKPD di sesebuah kawasan dan lokaliti. Penilaian risiko jangkitan ini melibatkan beberapa faktor iaitu kadar peningkatan kes, taburan kes positif, kepadatan penduduk, kewujudan tempat-tempat awam serta keadaan sosiodemografi penduduk.

Dalam hubungan ini, setiap keputusan dan pengumuman yang dibuat oleh pihak kerajaan berkaitan pelaksanaan PKPD telah mengambil kira kesediaan jentera Kerajaan serta keperluan rakyat dari segi tempoh masa yang diperuntukkan sebelum tarikh pelaksanaan sebenar PKPD di sesuatu kawasan. Ini bagi memastikan matlamat utama pelaksanaan PKP/PKPD dapat mencapai sasarannya iaitu mengawal pergerakan awam bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 yang semakin merebak di kawasan berkenaan dan pelaksanaannya memerlukan kerjasama semua pihak khususnya penduduk atau komuniti kawasan untuk mematuhi SOP yang ditetapkan.

Sekiranya penilaian risiko jangkitan semakin meningkat, langkah memperketatkan kawalan pergerakan awam melibatkan semua sektor akan dikuatkuasakan selaras dengan keperluan membendung pandemik COVID-19. Sekiranya penilaian risiko jangkitan semakin menurun, pertimbangan diberikan bagi melonggarkan aktiviti sektor ekonomi. Pertimbangan-pertimbangan perlu dibuat dari semasa ke semasa kerana ianya berhubungkait dengan kelangsungan hidup rakyat (*livelihood*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID (KAPAR)**

TARIKH

27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KAPAR) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan daripada perlaksanaan Proklamasi Darurat yang dilaksanakan bagi memerangi penularan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengisytiharaan darurat merupakan mekanisme yang ada bagi Kerajaan buat masa tersebut untuk melaksanakan dan mempercepatkan persiapan serta tindakan operasional bagi menekan penularan pandemik COVID-19.

Dalam tempoh darurat berkuatkuasa dari 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021, terdapat enam (6) Ordinan Darurat yang telah diwarta dan dikuatkuasakan.

Pelaksanaan Ordinan-Ordinan tersebut sangat berkesan dalam usaha Kerajaan memerangi pandemik COVID-19. Antaranya:

SOALAN NO : 30

- 1) Operasi bersepadu dan penurunan kuasa kepada ATM telah dilaksanakan melalui Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu);
- 2) Keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dipertingkatkan melalui Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021;
- 3) Operasi penguatkuasaan bersepadu dan menyeluruh di semua tempat penginapan pekerja melalui Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021;
- 4) Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021 telah berjaya mengurangkan kesesakan di beberapa buah penjara; dan
- 5) Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (KWAN) (Pindaan) 2021 telah membolehkan penggunaan dana KWAN untuk pemerolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- a) jumlah dos dan nilai vaksin yang diperoleh secara derma daripada luar negara; dan
- b) adakah vaksin tersebut yang dijual kepada mana mana pihak dan berapa dos yang dijual serta nilai hasil jualan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kerajaan Malaysia telah menerima sumbangan vaksin dari Kerajaan Luar iaitu:

Bil	Negara	Jenis Vaksin	Bilangan dos
1.	Jepun	AstraZeneca	998,400
2.	Amerika Syarikat	Pfizer	1,000,350
3.	China	Sinovac	500,000
4.	United Kingdom	AstraZeneca	415,040
TOTAL			2,913,790

Sehingga kini, jumlah sumbangan yang telah diterima adalah sebanyak 2,913,790 dos yang meliputi anggaran seramai 1.40 juta penduduk Malaysia.

- b)** Semua sumbangan vaksin telah dimasukkan dalam stok bekalan vaksin program PICK. Kerajaan Malaysia mempunyai **ikatan perjanjian dengan negara-negara penyumbang vaksin yang tidak membenarkan sebarang penjualan vaksin kepada mana-mana pihak ketiga.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jika Sinovac dan vaksin-vaksin disumbangkan, mengapa Kerajaan menjual vaksin-vaksin tersebut dan tidak memberikannya secara percuma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebagaimana maklum, Kerajaan Persekutuan menawarkan vaksin secara percuma kepada rakyat menerusi program PICK menerusi pembelian terus yang dibuat dengan pihak pengeluar vaksin. Sumbangan vaksin daripada Kerajaan Luar turut dimasukkan dalam program PICK dan tidak boleh dijual kepada pihak ketiga. Bagi pelaksanaan vaksinasi untuk industri, bekalan vaksin diberi secara percuma namun caj pelaksanaan vaksinasi serta pengoperasian Pusat Pemberi Vaksin (PPV) perlu ditanggung oleh pihak industri.

Kerajaan Persekutuan tiada halangan bagi perolehan sendiri yang ingin dilaksanakan oleh mana-mana Kerajaan Negeri atau pihak swasta melalui *own commercial arrangements* dengan pihak pengeluar atau pembekal vaksin. Rundingan harga oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta adalah *business-to-business* di luar kawalan pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan tidak terlibat dan tidak menerima sebarang bayaran.

Kerajaan Persekutuan juga telah menetapkan dasar penjualan vaksin oleh pembekal berdaftar tempatan kepada Kerajaan Negeri atau pihak swasta iaitu vaksin tersebut mestilah:

- i. telah diluluskan secara pendaftaran bersyarat oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD);
- ii. penjualan vaksin tidak mengganggu perancangan stok untuk PIICK;
- iii. penerima vaksin perlu berdaftar dengan aplikasi MySejahtera; dan
- iv. senarai lengkap penerima vaksin yang telah disuntik perlu dikemukakan oleh pihak pengendali PPV swasta kepada KKM selepas lengkap vaksinasi.

Walau bagaimanapun, dikhawatiri dengan keadaan bekalan vaksin global yang terhad, kemungkinan vaksin yang diperoleh oleh pihak swasta lambat diterima memandangkan bekalan yang diperoleh oleh Kerajaan masih belum diterima sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan keseluruhan jumlah dos vaksin telah dibeli oleh Kerajaan, jumlah dos diterima setakat 31 Julai 2021, jumlah kos keseluruhannya dan jumlah dos vaksin yang telah diberikan secara percuma oleh negeri China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat bulan September 2021, Kerajaan telah mengadakan rundingan perolehan sebanyak 87.89 juta dos bagi keseluruhan penduduk Malaysia termasuk stok penimbang. Sehingga 19 September 2021, jumlah bekalan vaksin yang telah diterima secara kumulatif adalah sebanyak 49.7 juta daripada keseluruhan perolehan dos vaksin tanpa mengambil kira perolehan jenis Sputnik (Gamaleya) yang belum dimuktamadkan.

Pada 16 Julai 2021, Kerajaan Republik Rakyat China telah memberikan sumbangan vaksin jenis Sinovac sebanyak 500,000 dos kepada Kerajaan Malaysia. Sumbangan ini akan meliputi seramai 250,000 orang atau 0.78% daripada populasi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT**

BELASPERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan syarikat yang telah gulung tikar dan data pekerja diberhentikan mengikut negeri-negeri bagi tahun 2020 dan 2021. Apakah bantuan ekonomi Kerajaan khusus bagi pengusaha yang menamatkan perniagaan dan pekerja hilang kerja akibat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berpanjangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes penggulungan syarikat (terpaksa) mengikut negeri sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari Mac 2020 hingga ke Julai 2021 adalah seperti **di Lampiran 1**. Jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan ialah sebanyak **1,246 kes**.

Jumlah kes kebankrapan mengikut bilangan individu yang muflis serta pecahan mengikut negeri dari Mac 2020 hingga ke Julai 2021 adalah seperti **di Lampiran 2**. Jumlah keseluruhan ialah sebanyak **10,317 kes**.

Selanjutnya, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) tidak mempunyai rekod berhubung jumlah pekerja yang diberhentikan sepanjang tempoh PKP tersebut memandangkan Mdl hanya bertindak untuk mengendalikan pentadbiran kes kebankrapan individu dan pentadbiran kes syarikat yang telah mendapat perintah penggulungan daripada Mahkamah.

Berdasarkan input daripada Kementerian Kewangan (MOF), Kerajaan tidak menyediakan bantuan khusus untuk peniaga yang menamatkan perniagaan, sebaliknya mengambil pendekatan memberi bantuan dan insentif untuk menyokong kelangsungan perniagaan mereka. Sehubungan itu, pelbagai program dan inisiatif telahpun dilaksanakan melalui Pakej-pakej Rangsangan Ekonomi dan bantuan kewangan yang telah diumumkan dengan fokus untuk menyokong perniagaan mereka dan melindungi rakyat. Program dan inisiatif berkaitan perkara ini adalah seperti berikut:

Menyokong Perniagaan

- i. Geran Khas Prihatin;
- ii. Program Subsidi Upah;
- iii. Pengecualian Levi HRDF;
- iv. Moratorium Pembayaran Balik Pinjaman; dan
- v. Skim Kredit Mikro.

Melindungi Rakyat

- i. Elaun Mencari Pekerjaan;
- ii. Bantuan Kehilangan Pendapatan;
- iii. Program Peningkatan Kemahiran dan Semula;
- iv. Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR);
- v. Moratorium Bayaran Balik Pinjaman;
- vi. Kemudahan Pengeluaran KWSP; dan
- vii. Bantuan Khas COVID-19.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 1

JUMLAH KES PENGGULUNGAN SYARIKAT (TERPAKSA) YANG DIDAFTARKAN PADA MAC 2020 - JULAI 2021

CAWANGAN	TAHUN 2020										TAHUN 2021							JUMLAH
	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	
WILAYAH PERSEKUTUAN	41	0	28	22	18	15	15	10	109	38	3	1	24	9	116	27	21	497
SELANGOR	7	0	30	11	29	37	36	10	6	20	26	18	31	1	3	0	8	273
JOHOR BAHRU	2	0	3	12	12	3	5	14	4	5	2	5	3	7	0	0	13	90
PERAK	2	0	0	5	4	4	15	6	2	2	2	1	5	3	2	0	0	53
PULAU PINANG	1	0	3	10	9	8	0	7	5	5	0	0	3	5	4	0	3	63
KEDAH	1	0	0	2	0	0	0	7	7	3	3	2	3	2	0	0	2	32
MUAR	3	0	0	3	1	0	5	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	14
SABAH	3	0	5	3	8	6	2	6	1	0	3	1	4	4	5	1	0	52
KELANTAN	2	0	0	4	0	2	4	2	2	1	1	1	0	0	1	0	0	20
MELAKA	0	0	4	1	1	0	3	5	1	0	0	1	0	1	0	1	1	19
NEGERI SEMBILAN	2	0	0	0	1	0	3	1	3	1	1	0	1	0	1	0	0	14
TEMERLOH	0	0	0	3	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4
PAHANG	1	0	1	1	1	19	1	1	3	2	0	0	0	0	1	2	6	39
SARAWAK	0	0	0	2	2	1	0	2	0	0	0	0	2	1	0	0	4	14
TERENGGANU	0	0	0	1	4	4	3	4	0	1	0	0	1	1	0	0	0	19
MIRI	0	0	0	2	2	2	1	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0	9
SIBU	0	0	0	0	0	0	8	0	0	0	0	0	4	0	0	0	0	12
TAIPING	0	0	0	0	1	1	0	2	0	0	0	0	0	1	0	0	0	5
TAWAU	0	0	0	0	2	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	1	5
SANDAKAN	0	1	1	2	1	1	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	8
PERLIS	0	0	0	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	4
JUMLAH	65	1	75	85	97	105	101	77	144	79	41	31	83	37	134	32	59	1,246

JUMLAH KES KEBANKRAPAN YANG DIDAFTARKAN PADA MAC 2020 - JULAI 2021

CAWANGAN	TAHUN 2020												TAHUN 2021							JUMLAH
	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul			
WILAYAH PERSEKUTUAN	39	0	0	68	84	117	183	108	4	56	20	51	128	103	109	91	127	1,288		
SELANGOR	10	0	0	150	267	285	255	174	26	315	96	128	367	378	102	0	2	2,555		
JOHOR BAHRU	57	0	7	36	44	0	69	117	62	37	19	40	27	125	97	3	52	792		
PERAK	40	0	14	33	63	46	60	81	29	14	33	20	27	112	38	15	3	628		
PULAU PINANG	10	0	32	33	21	21	71	35	63	28	32	6	26	44	62	0	4	488		
KEDAH	24	0	5	26	47	52	2	61	54	10	30	22	51	38	16	5	34	477		
MUAR	15	0	0	24	22	26	45	38	0	32	0	1	24	36	3	0	0	266		
SABAH	42	0	6	74	88	87	85	11	0	28	50	52	39	35	25	1	0	623		
KELANTAN	12	0	5	2	17	40	61	46	30	34	59	14	46	33	0	0	20	419		
MELAKA	32	0	0	9	21	33	51	17	13	9	5	19	30	26	13	5	0	283		
NEGERI SEMBILAN	47	0	28	22	26	3	96	48	28	1	9	4	20	57	69	0	23	481		
TEMERLOH	9	0	9	16	17	22	27	32	19	20	7	4	20	14	5	0	0	221		
PAHANG	21	0	0	19	25	18	11	29	22	9	11	18	35	16	0	0	0	234		
SARAWAK	12	0	1	36	39	22	31	27	11	11	11	25	19	22	11	4	6	288		
TERENGGANU	21	0	0	6	15	55	54	51	18	31	28	0	35	24	3	0	4	345		
MIRI	14	0	5	20	25	13	23	23	13	17	10	10	17	8	8	4	2	212		
SIBU	12	0	0	11	19	15	9	12	11	4	4	2	10	7	6	0	1	123		
TAIPING	6	0	6	19	26	24	25	18	12	26	6	12	14	2	3	0	0	199		
TAWAU	5	0	23	16	34	18	33	0	0	21	13	10	14	0	26	0	0	213		
SANDAKAN	8	0	5	18	17	13	25	0	0	2	8	7	7	0	1	11	129			
PERLIS	2	0	0	3	2	5	6	5	4	6	8	0	4	3	5	0	0	53		
JUMLAH	438	0	146	641	919	915	1,222	933	419	711	459	445	960	1,090	601	129	289	10,317		

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI (TANGGA BATU)

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI (TANGGA BATU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Dewan Rakyat sering kali mengutamakan Peraturan Mesyuarat berbanding peruntukan Perlembagaan walhal ianya dengan terang bertentangan dengan doktrin “ultra vires”.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 62 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan “tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan undang-undang persekutuan, setiap Majlis Parlimen hendaklah mengawal selia tatacaranya sendiri”. Berdasarkan peruntukan tersebut, Perlembagaan Persekutuan telah memberikan kuasa kepada Majlis Parlimen untuk mempunyai peraturannya sendiri.

Maka, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dibuat menurut Perkara 62 (1) Perlembagaan Persekutuan bagi mengawal selia urusan dan tatacara Dewan Rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada peruntukan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang “*ultra vires*” dengan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 36

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan peneroka Felda yang telah menandatangani perjanjian untuk mansuhkan hutang lapuk. Berapa jumlah hutang yang melibatkan peneroka-peneroka yang sudah menandatangani perjanjian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2021 iaitu tarikh akhir untuk menandatangani perjanjian pemansuhan hutang lapuk, seramai 98,867 peneroka atau 86.89% daripada keseluruhan 112,638 peneroka telah menandatangani ‘Perjanjian Penghapusan Pinjaman dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dan Peneroka’. Persetujuan tersebut melibatkan penghapusan RM7.21 bilion hutang peneroka daripada jumlah keseluruhan penghapusan berjumlah RM6.1 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Alice Lau Kiong Yieng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menggubal Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti dalam masa yang terdekat bagi mengatasi 'pandemik politik' negara memandangkan sudah 3 orang Perdana Menteri sejak Mei 2018 dalam satu penggal Parlimen iaitu Parlimen ke-14.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengenalan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya memperkasakan peranan institusi Parlimen. Kerajaan komited untuk memastikan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini yang memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya dan memastikan sistem demokrasi berparlimen yang efektif.

Bagi maksud perkara ini dan dengan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap keperluan untuk sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mendapat sokongan semua pihak. Kerajaan akan memastikan cadangan dan input semua pihak berkepentingan termasuk daripada ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta badan bukan Kerajaan diperhalusi dan dipertimbangkan melalui sesi libat urus yang menyeluruh sebelum menetapkan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini.

Ini adalah untuk memastikan Rang Undang-Undang ini sebaiknya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undangundang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri. Dalam perkara ini, Jabatan Perdana Menteri sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji penyediaan undang-undang bagi menangani isu lompat parti. Kerajaan memberi jaminan bahawa RUU ini yang termasuk di dalam Perjanjian Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kilang-kilang yang ditutup di kawasan DUN Jelapang, DUN Menglembu dan DUN Tronoh di bawah Parlimen Batu Gajah. Berapa ramai pekerja-pekerja yang telah hilang pekerjaan mereka akibat penutupan itu di ketiga-tiga DUN tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dibuat oleh Kerajaan bagi penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi seluruh negara berkuatkuasa pada 1 Jun 2021, hanya kilang yang tersenarai di bawah 12 sektor perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP tersebut dilaksanakan. Manakala lima lagi sektor hanya dibenarkan beroperasi pada keadaan siap siaga dengan 10 peratus pekerja iaitu sektor automotif (kenderaan dan komponen); besi dan keluli, simen; gelas serta seramik.

Pembentangan Pelan Pemulihan Negara (PPN) oleh Kerajaan yang berkuat kuasa pada 15 Jun 2021 pula adalah sebagai strategi yang dirangka secara berfasa di mana pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial akan dilaksanakan secara berperingkat. Peralihan Fasa 1 ke Fasa 2

adalah berdasarkan 3 indikator utama iaitu penurunan kes purata harian COVID-19 di bawah 4,000 kes; sistem kesihatan awam tidak lagi berada di peringkat kritikal dan pencapaian dua dos suntikan vaksin sebayak 10 peratus populasi.

PKP dan PPN adalah terpakai bagi semua negeri di seluruh negara termasuk Negeri Perak. Peralihan ke Fasa 2 Negeri Perak bermula pada 5 Julai 2021 di mana dalam fasa tersebut, terdapat pertambahan sebanyak 6 sektor ekonomi iaitu sektor pembuatan automotif (kenderaan dan komponen); besi dan keluli; simen; gelas; seramik dan kilang perabot bagi tujuan eksport dengan kapasiti pekerja yang dibenarkan sehingga 80 peratus di premis.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah memainkan peranan aktif dalam memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi; kesinambungan rantai bekalan; dan menjamin bekalan makanan dan peralatan *essential* adalah mencukupi. Antara peranan MITI adalah:

- (i) bekerjasama dalam merangka SOP COVID-19 bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) bertanggungjawab sebagai agensi memproses, menilai dan meluluskan permohonan operasi dalam tempoh PKP/PPN bagi syarikat-syarikat di bawah sektor pembuatan;
- (iii) menjadi *custodian* bagi sistem CIMS dan memastikan semua pemegang taruh termasuk agensi pelulus dan syarikat dapat menggunakan sistem dengan baik;
- (iv) menjalankan penguatkuasaan Akta 342 ke atas semua premis terutama sektor pembuatan bagi memastikan syarikat-syarikat yang dibenarkan beroperasi mematuhi SOP dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Berdasarkan rekod, tiada arahan penutupan kilang pernah keluarkan oleh MITI ke atas kilang-kilang di kawasan DUN Jelapang, DUN Menglembu dan DUN Tronoh di bawah parlimen Batu Gajah. MITI sebagai salah satu agensi yang diberi kuasa di bawah Akta 342 hanya

akan mengarahkan penutupan kilang sekiranya premis mengingkari SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebarang aktiviti ekonomi *non-essential* yang ditangguhkan pembukaannya adalah selaras dengan arahan Kerajaan bagi mengekang penularan COVID-19 ini.

Walaubagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tempoh Mac 2020 sehingga Mei 2021, sebuah syarikat pengilangan, iaitu Bekaert Ipoh Sdn. Bhd. yang beralamat di Ipoh, Perak yang berada di dalam kawasan DUN Jelapang telah menutup operasi mereka sepenuhnya. Syarikat ini menjalankan aktiviti “*Manufacture and sale of low and high carbon steel wire products and strands and ropes products*” dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM102 juta** dan dimiliki oleh 100% rakyat asing iaitu Belgium.

Penutupan syarikat ini telah mengakibatkan seramai 200 orang pekerja iaitu 155 pekerja tempatan dan 45 orang rakyat asing kehilangan pekerjaan. Antara sebab utama penutupan operasi syarikat adalah disebabkan persaingan daripada pengeluar yang sama di pasaran tempatan dan luar negara. Walaupun syarikat telah membuat pelaburan tambahan dengan beralih dari pengeluaran *low carbon steel wire* kepada *high carbon steel wire*, namun prestasi jualan syarikat masih tidak memberangsangkan dan syarikat terus mengalami kerugian.

Bagi membantu pekerja-pekerja yang telah kehilangan pekerjaan ini, MITI melalui MIDA bekerjasama rapat dengan syarikat dan pelbagai pihak pemegang taruh untuk menempatkan pekerja-pekerja tersebut ke dalam industri lain yang berkaitan. Syarikat juga telah menasihati pekerja yang telah diberhentikan supaya menyertai program penempatan pekerjaan semula PERKESO serta mendaftar diri di portal MYFutureJobs. Syarikat juga bekerjasama dengan Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) dan syarikat-syarikat lain yang berminat bagi menyediakan penempatan pekerjaan serta menawarkan pakej pampasan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap lantikan Menteri Khas atau Duta Khas bertaraf Menteri yang dilihat sebagai membazir dan tidak perlu seperti jawatan Menteri Khas Penasihat PM, apakah fungsi utama jawatan-jawatan ini dan setakat ini berapa jumlah gaji dan elauan dibayar kepada Menteri Khas dan Duta Khas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Duta Khas atau Penasihat kepada YAB Perdana Menteri adalah signifikan dan bukanlah suatu pembaziran. Ini kerana individu-individu yang dilantik adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai jaringan hubungan, pengalaman dan kepakaran tertentu yang boleh memberi faedah kepada usaha-usaha memajukan kepentingan-kepentingan negara. Taraf Menteri yang diberikan juga adalah secara pentadbiran dan tidak sama dengan taraf Menteri seperti diperuntukkan di bawah Perkara 43(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.

Secara umumnya, Duta-Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri dilantik untuk membantu dan menasihati YAB Perdana Menteri dalam hal-hal yang berkaitan dengan negara atau rantau mereka ditugaskan. Mereka diberi tugas dan tanggungjawab untuk meningkatkan hubungan dua-hala antara Malaysia dengan negara atau rantau mereka ditugaskan meliputi antara lain meningkatkan hubungan luar, ekonomi, perdagangan, pelaburan serta pendidikan. Bagi rantau Timur Tengah, ia termasuk peningkatan kerjasama dalam bidang agama Islam.

Setiap Duta Khas atau Penasihat Khas YAB Perdana Menteri yang dilantik diberikan gaji dan elau sebanyak RM27,227.20 sebulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pembayaran pencen mengikut tahun dari 2010 – 2020 mengikut perundangan berkenaan pencen dan apakah unjuran untuk tahun 2030. Apakah usaha Kerajaan untuk menghadapi peningkatan pembayaran pencen tersebut untuk tahun-tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan faedah persaraan (pencen perkhidmatan, ganjaran perkhidmatan dan Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat) mengikut tahun dari 2010 hingga 2020 adalah:

Tahun	Perbelanjaan (RM)
2010	9.88 bil
2011	11.40 bil

SOALAN NO : 40

2012	12.54 bil
2013	13.13 bil
2014	16.34 bil
2015	17.98 bil
2016	20.35 bil
2017	21.86 bil
2018	23.86 bil
2019	24.90 bil
2020	26.38 bil

Manakala unjuran pembayaran pencen untuk tahun 2030 adalah dianggarkan berjumlah RM46.6 billion.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang memperhalusi Cadangan Skim Persaraan Baharu Perkhidmatan Awam bagi memastikan skim baharu ini akan mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan dalam jangka masa panjang dan pada masa yang sama memastikan kebajikan penjawat awam sentiasa terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL (LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan memperkenal reformasi Parlimen, termasuk memastikan peruntukan tahunan Ahli-Ahli Parlimen disalurkan serta diaudit oleh Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik (MoU) yang telah ditandatangan pada 13 September 2021 di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan, Kerajaan komited untuk memperkenal reformasi atau pembaharuan Parlimen (*Parliamentary Reform*). Seperti mana dinyatakan di **Lampiran MoU** tersebut di **Perkara 3, Klausa 3.1 hingga Klausa 3.6**, Kerajaan akan melaksanakan dalam masa terdekat tidak lewat dari Mesyuarat Kedua Penggal Ke-5 Parlimen (tahun 2022).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- a) status terkini Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK); dan
- b) apakah kriteria terkini yang digunakan ketika menetapkan aturan (*queue*) temu janji di kalangan mereka yang sudah berdaftar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Program Imunisasi COVID-19 pada 26 September 2021 telah mencapai sebanyak 93.7% populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala sebanyak 83.7% telah lengkap divaksin. Melihat kepada pencapaian ini, CITF optimis usaha PICK sedang berjalan mengikut landasan dan perancangan ditetapkan. Sebagai langkah mempercepatkan proses vaksinasi, pihak CITF melalui Operasi Lonjakan Kapasiti di Lembah Klang telah berjaya memvaksinasi hampir 100% populasi

dewasa. Tindakan selanjutnya adalah *mop-up* baki populasi yang belum divaksinasi di sekitar Lembah Klang. Sasaran berfokus yang terdekat adalah untuk memastikan semua negeri mencapai sekurangnya-kurangnya 60% dewasa lengkap divaksinasi sebelum penghujung bulan September 2021, yang mana data kinimenunjukkan keseluruhan negeri telah melepas nilai ambang tersebut kecuali negeri Sabah yang dijangka akan mencapai sasaran pada penghujung bulan September 2021. Melalui usaha ini, Kerajaan percaya sasaran peralihan Fasa melalui Pelan Pemulihian Negara dapat dicapai mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

b) Di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), MySejahtera memainkan peranan yang besar dalam penetapan janji temu bermula daripada:

- i. pendaftaran untuk vaksinasi kepada pemberian janji temu;
- ii. urusan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV);
- iii. sijil digital vaksinasi; dan
- iv. kesan sampingan yang dialami selepas vaksinasi, dalam bentuk pelaporan AEFI.

Walaupun ramai penerima vaksin telah berdaftar awal untuk vaksinasi, PICK masih bertumpu kepada pelaksanaan berfasa iaitu Fasa Pertama untuk petugas barisan hadapan dan sokongan mereka, Fasa Kedua untuk warga berisiko tinggi, komorbid dan OKU serta Fasa Ketiga untuk golongan dewasa yang lain bermula sekitar bulan Jun 2021.

Pelaksanaan fasa kawalan wabak pula adalah strategi untuk meningkatkan kadar vaksinasi di zon-zon wabak yang berkaitan. Berikutan bekalan vaksin diterima adalah terhad sepanjang bulan Februari hingga Julai, maka strategi pelaksanaan adalah untuk menyelesaikan golongan barisan hadapan dan berisiko tinggi terlebih dahulu sebelum beralih kepada golongan dewasa lain selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan terbaru pemberian vaksin COVID-19 di negeri Sabah, apakah faktor utama kelewatan herd immunity di Sabah dan apakah usaha serta inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan *herd immunity* di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga pada 26 September 2021, pelaksanaan vaksinasi di Sabah mencapai 70.9% populasi dewasa menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin manakala 58.7% populasi dewasa telah lengkap dos vaksin. Bilangan PPV di Sabah adalah sebanyak 58 buah dengan kapasiti vaksinasi juga telah ditingkatkan kepada 83,140 dos sehari.

Dari segi agihan bekalan vaksin pada bulan Ogos, Sabah telah dibekalkan vaksin sebanyak 1.80 juta dos vaksin. Bagi agihan bulan September, agihan bekalan vaksin ke Sabah masih diutamakan dimana anggaran jumlah agihan vaksin bagi bulan September adalah sebanyak 2.84 juta dos termasuk anggaran sebanyak 119,000 dos vaksin Cansino.

Sehingga suku ketiga bulan September, sebanyak 1.54 juta dos vaksin telah diagihkan ke Sabah dengan peratus penggunaan vaksin dalam lingkungan 78.72%. Melalui ini, kadar vaksinasi di Sabah bagi penduduk Sabah yang terdiri daripada warganegara atau bukan warganegara dapat diperingkatkan dan matlamat untuk 60% populasi dewasa negara lengkap divaksin menjelang penghujung bulan September 2021 dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada negara kita akan mempertingkatkan untuk meningkatkan had umur persaraan minima memandangkan jangka hayat rakyat yang semakin panjang sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini tiada perancangan untuk meningkatkan umur persaraan perkhidmatan awam. Bagaimana pun, kerajaan dari masa ke semasa sentiasa melaksanakan kajian mengenai cadangan-cadangan pembaharuan perkhidmatan awam bagi memastikan kebijakan penjawat awam sentiasa terjamin dan seimbangan dengan kedudukan kewangan semasa negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa Kerajaan mengenakan bayaran dalam program PIKAS untuk RM45 per dos. Berapa jumlah pendapatan dari PIKAS dan bagaimanakah ia digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program PIKAS adalah inisiatif Kerajaan melalui CITF, MITI, KKM bersama majikan untuk memberi vaksinasi kepada pekerja warganegara dan bukan warganegara yang terlibat dalam sektor ekonomi kritikal.

Dalam program PIKAS, majikan bertanggungjawab penuh di atas pembiayaan operasi termasuklah pemberian vaksin. Majikan tidak boleh mengenakan bayaran kepada pekerja. Kerajaan tidak mendapat apa-apa pendapatan dari PIKAS. Malah, vaksin adalah diberikan secara percuma oleh Kerajaan.

Majikan bertanggungjawab menyediakan PPV yang mengikut spesifikasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk pemberian vaksin, kos setiap dos ditetapkan pada RM15 dan perlu dibayar kepada pengamal perubatan swasta (PPS) melalui ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (ProtectHealth), syarikat yang ditubuhkan di bawah KKM. KKM telah

melantik ProtectHealth sebagai pelaksana penglibatan pengamal perubatan swasta & NGO kesihatan dalam PICK.

Untuk makluman, terdapat juga PPV Industri lain dengan kerjasama pelbagai kementerian seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Program RIVac), Kementerian Kerja Raya (Program CIVac), Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (AIVac) dan lain-lain yang melibatkan pemberian vaksinasi sebanyak 2.48 juta dos.

Berikut merupakan pecahan dos yang telah diberikan mengikut kementerian sehingga 21 September 2021:

PPV Industri	Kementerian	Dos Telah Diberikan
PIKAS	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	1,797,811
RIVac	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	95,728
CIVac	Kementerian Kerja Raya (KKR)	199,379
	Kementerian Pengangkutan (MOT)	127,771
AIVac	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)	12,943
	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)	32,402
Lain-lain	- Sarawak - MPIC (Selangor)	213,986
Jumlah		2,480,020

Inisiatif ini telah menjimatkan kos vaksinasi sekurang-kurangnya RM37.2 juta (2.48 juta dos telah diberikan x RM15 setiap dos) kepada Kerajaan. Kos penyediaan dan pengoperasian PPV boleh dianggarkan sebanyak RM30 bagi setiap pekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan RM70 juta yang diperuntukkan untuk MySejahtera, integrasi data dan sistem temu janji. Senaraikan pemenang-pemenang kontrak dan nilai kontrak masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penambahbaikan kepada sistem MySejahtera melibatkan integrasi data dan sistem janji temu dengan kos peruntukan berjumlah RM19.4 juta yang merangkumi:

- i. Penambahan Perkakasan bagi Peningkatan Sistem Pengurusan Vaksin (VMS) Berasaskan Teknologi *Blockchain*;
- ii. Pendaftaran vaksinasi MySejahtera (*Google Map and Places Application Programming Interface (API)*);
- iii. Chatbot *Knowledge Driven Syntactic Parsing Intelligence* (KRISPI);
- iv. Perolehan *load balancer* bagi pangkalan data ketiga PICK;
- v. Sistem Dashboard Bersepadu COVID-19; dan
- vi. Penjanaan Digital Passport MySejahtera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 [ISNIN]

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang. Apakah perancangan terkini, sebab kelewatan dan kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang, Pulau Pinang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) dengan kos projek berjumlah RM150 juta dan akan diteruskan dalam RMKe-12.
2. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang ini masih dalam peringkat rekabentuk terperinci yang dijangka siap pada 30 Disember 2021. Kelewatan di peringkat rekabentuk terperinci ini disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh Kerajaan pada 18 Mac 2020.
3. Projek ini dijangka dapat dimulakan pada bulan Jun 2022 dan dijangka siap pada Jun 2026.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR
(POKOK SENA)**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR (POKOK SENA) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai status projek ubahsuai kediaman rasmi Perdana Menteri ke-8 di Seri Perdana yang dikatakan kos sebanyak RM30 juta. Apa justifikasi projek yang mewah ini perlu dibuat semasa rakyat sedang berperang dan terkesan dengan pandemik COVID-19. Apa komponen dan skop yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Status pengubahsuaian kediaman rasmi Perdana Menteri (Kompleks Seri Perdana) pada masa ini dilaksanakan sebagaimana dijadualkan. Sehingga 31 Ogos 2021, prestasi semasa kerja-kerja pengubahsuaian telah mencapai 60% kemajuan.

Pengubahsuaian/naik taraf kediaman ini perlu dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor keselamatan YAB Perdana Menteri serta memastikan imej negara dalam menyambut tetamu-tetamu utama negara di program-program rasmi YAB Perdana Menteri. Pengubahsuaian ini meliputi skop-skop utama seperti penambahbaikan pendawaian elektrikal, mekanikal, serta sistem penghawa dingin dan pengubahsuaian struktur di Blok Kediaman Rasmi serta penggantian perabot-perabot rasmi yang telah uzur dan daif, sesuai dengan status kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan semua pekerja warga negara asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara kita mendapat suntikan vaksin COVID-19. Nyatakan jumlah bilangan warga negara asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang telah mendapat vaksin COVID-19 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan menyasarkan 80% daripada populasi dewasa negara yang turut meliputi kategori bukan warganegara yang menetap dalam negara. Bagi pelaksanaan di Pusat Pemberi Vaksin (PPV), pihak CITF telah mengeluarkan Garis Panduan Vaksinasi terhadap Bukan Warganegara. Melalui ini, semua penduduk bukan warganegara yang hadir ke PPV boleh berdaftar serta mendapatkan vaksinasi selaras dengan objektif PICK. Pihak CITF juga telah memperkenalkan kaedah vaksinasi secara *walk in* kepada bukan warganegara di PPV terpilih iaitu PPV Stadium Bukit Jalil mulai 9 Ogos 2021 hingga 22 Ogos 2021. Kini, semua bukan warganegara yang ingin mendapatkan suntikan dos vaksin perlu berdaftar mendapatkan janji temu terlebih dahulu dalam sistem MySejahtera.

NO. SOALAN : 50

Bagi pelaksanaan di kawasan pedalaman pula, pihak CITF mengambil pendekatan konsep suntik dahulu dan daftar kemudian iaitu kaedah outreach ke kawasan lokaliti penempatan golongan tersebut. Melalui kaedah ini, lebih ramai penduduk populasi dewasa bukan warganegara akan dapat menerima vaksin dan kaedah ini dilihat lebih berkesan.

Sehingga 22 September 2021, atas dasar kemanusiaan dan saranan pemberian vaksinasi secara percuma kepada bukan warganegara dibawah PICK iaitu ‘tiada siapa selamat hingga semua orang selamat’, seramai 2.72 juta penduduk bukan warganegara telah diberi sekurang- kurangnya satu dos vaksin, di mana 1.59 juta bukan warganegara telah lengkap diberi dos dengan percuma bagi memastikan vaksinasi dijangkau seramai mungkin terutamanya di kawasan kawalan wabak atau *epicentre*.

Sekian, terima kasih.

SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status perbincangan dalam Majlis Khas MA63 di mana terdapat empat lagi perkara berkaitan dengan MA63 yang belum dipersetujui iaitu Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum, Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]; dan Hak Negeri ke atas Pelantar Benua (Akta Pelantar Benua 1966 [Akta83]).

JAWAPAN: **YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY**
ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menjawab pertanyaan ini yang turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Belud semasa Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja yang lalu iaitu perkara yang sama berhubung dengan **empat [4] perkara outstanding matters** dengan izin iaitu (1) Royalti Minyak dan Pembayaran Tunai Petroleum; (2) Mineral Minyak dan Medan Minyak; (3) Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan (3) Hak Negeri ke atas Pelantar Benua (Akta Pelantar Benua 1966 [Akta83]).

Kesemua perbincangan berkaitan perkara-perkara tersebut adalah ditangguhkan buat sementara waktu bagi memberi laluan kepada penyelesaian secara komersial mengenai minyak dan gas yang sedang dibincangkan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sabah dan Petronas.

YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Kanan Kerja Raya telah diberikan mandat untuk mempengerusikan **Mesyuarat Jawatankuasa Bersama di Antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak dan Petronas** di mana kedua-dua pihak telah selesai memeterai penyelesaian secara komersial dan telah menandatangani *Commercial Settlement Agreement* pada 7 Disember 2020 dengan disaksikan oleh YAB mantan Perdana Menteri Ke-8 dan YAB Ketua Menteri Sarawak.

Manakala, Jawatankuasa Bersama di Antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Petronas masih dalam peringkat untuk ditubuhkan. Kerajaan Negeri Sabah dan pihak Kementerian Kewangan masih dalam proses penyediaan terma rujukan bagi Jawatankuasa Bersama tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengeluaran petroleum negara mengikut pecahan negeri yang berkenaan dan jenis produk petroleum yang terlibat bagi tahun 2019 hingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengeluaran petroleum negara yang terdiri daripada produk petroleum iaitu minyak mentah, gas asli dan kondensat bagi tahun 2019 dari lapangan minyak dan gas yang terletak di luar pesisir pantai Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 500 ribu tong minyak setara sehari atau kboed, luar pesisir pantai Sarawak sebanyak 857 kboed dan luar pesisir pantai Sabah sebanyak 360 kboed.
2. Bagi tahun 2020, jumlah pengeluaran dari luar pesisir pantai Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 450 kboed, luar pesisir pantai Sarawak sebanyak 826 kboed manakala luar pesisir pantai Sabah sebanyak 302 kboed.
3. Bagi tahun 2021 iaitu sehingga 31 Julai, jumlah pengeluaran dari luar pesisir pantai Semenanjung Malaysia dijangka sebanyak 483 kboed, luar pesisir pantai Sarawak dijangka sebanyak 838 kboed dan luar pesisir pantai Sabah dijangka sebanyak 335 kboed.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah notis kompaun ketidakpatuhan peratutan atau SOP PKP yang dikeluarkan sejak 21 Julai 2021 di bawah. Sama ada Kerajaan bersedia untuk membatalkan notis-notis tersebut khasnya apabila wujudnya kekeliruan sama ada Ordinan Darurat tersebut telah dibatalkan atau masih berkuatkuasa sejak 21 Julai 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kompaun yang dikeluarkan selepas 21 Julai hingga 27 Ogos 2021 adalah sebanyak 10,419 kompaun. Manakala jumlah kompaun bagi tahun 2021 (sehingga 27 Ogos 2021) adalah sebanyak 112,671 kompaun iaitu peningkatan sebanyak 45,129 berbanding jumlah kompaun bagi tahun 2020 iaitu sebanyak 67,542 kompaun. Kompaun-kompaun ini masih berkuatkuasa memandangkan Ordinan darurat masih dikuatkuasakan selama tempoh 6 bulan selepas ianya tamat iaitu pada 1 Ogos 2021. Sebagai makluman, Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 yang menjadi punca kuasa pengeluaran kompaun tersebut masih sah berkuatkuasa sehingga enam bulan selepas darurat ditamatkan iaitu sehingga 1 Februari 2022 atau sehingga Ordinan tersebut dibatalkan oleh Parlimen. Sehubungan itu, tidak wujud kekeliruan seperti yang dinyatakan.